



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	18/4/2021	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	KeTSA / JPSM / TNB			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



Shamsul Anuar (kiri) sambil diperhatikan Baharin (kanan) menyiram pokok pada program Penghijauan Malaysia bersempena Kempen 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Perak.

TNB sumbang RM50,000 pulihara Tasik Raban

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan komitmennya terhadap alam sekitar dengan menyumbang RM50,000 bagi inisiatif penanaman 130 pokok hutan di Tasik Raban di Lenggong, Perak.

Kolaborasi bersama Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), kerajaan negeri Perak dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak ini adalah sebahagian usaha menyokong inisiatif kerajaan dalam memulihara alam sekitar.

TNB dalam kenyataan semalam, memaklumkan berkata, sebanyak 21 spesies pokok tempatan yang sinonim dengan nama tempat di Perak ditanam bagi menjayakan agenda Penghijauan Malaysia dengan sasaran penanaman 100 juta pokok menjelang tahun 2025.

"Ia adalah sebahagian keprihatinan TNB dalam menyokong usaha pemuliharaan alam sekitar bagi memastikan kelestarian alam buat generasi masa hadapan. Pada masa sama, ia juga adalah usaha bagi menjamin ekosistem demi manfaat kehidupan orang ramai," kata TNB.

Terdahulu, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah pada program Penghijauan Malaysia bersempena Kempen 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Perak, menyifatkan penyertaan TNB dalam kempen itu sebagai manifestasi keprihatinan syarikat berkenaan terhadap pemuliharaan alam sekitar.

Katanya, pembabitan dan sumbangan TNB sebagai sebahagian

tanggungjawab korporatnya dalam menyahut seruan kerajaan bagi menjayakan kempen itu, harus dicontohi syarikat lain.

"Kempen 100 Juta Pokok ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan liputan pokok dan hutan bagi kesejahteraan dan kualiti hidup selain menambah baik ekosistem dan kepelbagaian biologi negara kita," katanya.

Yang hadir sama, Menteri Besar Perak, Datuk Saarani Mohamad; Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung, Datuk Mohd Ridza Awang; Pengarah Perhutanan Perak, Datuk Mohamed Zin Yusop dan Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din.

Selain di daerah Lenggong, TNB juga terbabit secara aktif dalam pemuliharaan alam sekitar menerusi penanaman 18,800 pokok bakau di daerah Manjung sejak 2013.

Jumlah itu sebahagian daripada 23,700 anak benih bakau ditanam TNB di negeri lain di Semenanjung, termasuk Perak, Perlis dan Pulau Pinang serta empat lokasi habitat kelip-kelip, termasuk di Kampung Kuantan di Kuala Selangor; Kampung Dew (Taiping, Perak) dan Kampung Sungai Timun di Rembau, Negeri Sembilan.

Kini, TNB sedang giat menjalakan inisiatif yang sama dengan tambahan 7,000 anak benih di daerah Manjung dan 1,000 di Jimah Power Plant yang bakal siap ditanam menjelang 2022.